

Pengambilan antibiotik berlebihan jejas sistem ketahanan tubuh

KUALA LUMPUR 16 Mac - Pengambilan antibiotik terlalu banyak dalam pemakanan harian boleh menyebabkan kesan negatif kepada sistem ketahanan tubuh manusia yang berfungsi untuk melawan penyakit.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Hasnida Zawawi berkata, kekerapan mengambil antibiotik mengundang tubuh terdedah kepada penyakit selain mudah terkena jangkitan.

"Di dalam tubuh manusia, terdapat dua mikroorganisma iaitu bakteria baik serta jahat dan apabila kita mengambil antibiotik, secara tidak langsung membunuh

kedua-dua bakteria di dalam badan.

"Apabila kurangnya bakteria baik dalam badan, bakteria jahat akan mendominasi dan sistem ketahanan kita menjadi rendah lalu sukar untuk melawan penyakit," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin menyatakan negara menyasarkan makanan harian terutama ayam bebas daripada kandungan antibiotik menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, ketika ini semua ladang ternakan dilarang memberi ayam makanan yang mengandungi antibiotik untuk tempoh tujuh hari

sebelum melalui proses penyembelihan bagi mengelak sebarang komplikasi kepada pengguna.

Tambah Hasnida, pemakanan harian ternakan seperti ayam perlu dijaga kualiti makanannya bagi memastikan aspek kebersihan dapat dikawal dan manusia tidak terkena penyakit.

"Pastikan beli ayam yang segar kerana bakteria yang melekat padanya kurang berbanding ayam lama dan pastikan masak ayam tersebut pada suhu tinggi untuk membunuh bakteria.

"Gunakan papan pemotong yang bersih dan pastikan ayam itu tidak bercampur dengan makanan lain kerana bakteria boleh merebak dengan mudah," ujarnya.

Makanan harian bebas antibiotik pada 2020

LUMUT 15 MAC - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menyasarkan makanan harian yang dipasarkan kepada pengguna

keratan *Utusan Malaysia* semalam.